

BAB KEDUA

BAB KEDUA

. METHODOLOGI PENYELIDIKAN

Pada kebiasaannya setiap kajian ialah sempurnai berbagai dengan kajian masing-masing. Ianya bergantung kepada bentuk penurut individu berkenaan, kerana setiap method atau kaedah kajian tersebut akan memberikan gambaran yang lebih nyata dan jelas dalam kesuatu penyelidikan.

Untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang berhubung dengan kajian ini, penulis menggunakan beberapa method iaitu:

1. Method Penentuan Subjek
2. Method Pengumpulan Data
3. Method Analisa Data Dan Penulisan

.1 Method Penentuan Subjek

- Dalam menentukan subjek kajian, penulis telah menggunakan method ketidakbarangkalian, iaitu dengan mengambil wanita-wanita dan lelaki yang berkahwin campur sebagai tahan kajian.
- Samping itu juga penulis menggunakan method sampling, iaitu dengan mengambil suami-isteri di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai contoh kajian.

.. Method Pengumpulan Data

Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat dan data-data yang perlukan bagi kajian ini, beberapa method tertentu telah digunakan. Method-method tersebut ialah:

... .1 Method Historis

Apa yang di maksudkan dengan method ini ialah sejatu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu tajuk. Sejarah yang dikaji ialah untuk mengimbau kembali tentang perkahwinan serta perkahwinan campur. Walaubagaimanapun penulis tidak dapat nafikan yang penulis tidak dapat mengetahui sejurus terperinci kerana ia merupakan satu perkara yang kompleks.

... .2 Method Dokumentari

Yang di maksudkan dengan method ini ialah menggunakan bahan-bahan bertulis sebagai keterangan. Dokumen tersebut antara lainnya ialah buku-buku, majalah, akhbar dan sebagainya. Method ini di kenali juga sebagai penyelidikan perpustakaan atau library research. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan pengertian tajuk atau istilah, dalil-dalil dari al-Quran dan hadis, penjelasan mengenai perkahwinan dalam Islam, perkahwinan campur itu sendiri dan lain-lain lagi.

Method dokumentari ini banyak membantu penulis untuk mendapatkan maklumat berhubungan dengan kajian ini. Lagipun penulis tidak menjumpai sebarang buku rujukan khusus yang boleh penulis ambil rujukan mengenai tajuk ini.

3.3.3 Method Temubual

Method ketiga yang penulis gunakan untuk mendapatkan maklumat adalah melalui temubual atau wawancara dengan beberapa orang responden. Di sebabkan kekurangan bahan perpustakaan, maka penulis menemubual beberapa orang responden yang di percaya dapat memberi maklumat kepada penulis.

Bentuk temubual secara informal telah dijalankan dengan responden-responden yang terdiri dari suami-isteri yang berkahwin campur, anak-anak dari mereka yang berkahwin campur yang lebih di kenali sebagai anak kacukan, orang-orang yang bertanggungjawab terhadap masalah di dalam perkahwinan, doktor dan sebagainya.

Penulis telah memilih dan menemubual responden-responden yang terdiri dari berbagai lapisan masyarakat dan mempunyai taraf hidup yang berbeza, seperti mereka yang bekerja dengan kerajaan dan mempunyai pangkat besar, surirumah, presiden sesuatu kelab

atau perseatuan, pekerja biasa dan lain-lain lagi.

Dengan cara ini penulis mendapat banyak maklumat berhubung dengan nasalah kahwin campur, kesan-kesan yang di hadapi sama ada buruk atau baik dan juga saranan-saranan yang perlu untuk mengelakkan daripada berlakunya sesuatu yang tidak di ingini di lalangan mereka yang berkahwin campur. Lihat lampiran 'D' untuk melihat contoh soalan testimual yang diutarakan kepada responden.

....4 Method Soal-selidik

Soal-selidik ialah method keempat yang penulis gunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Borang soal-selidik ini diedarkan oleh penulis melalui dua cara iaitu penulis sendiri menemubual responden beserta dengan borang soal-selidik kepada mereka yang berkenaan atau dengan cara mengirimkan borang tersebut kepada mereka yang di percaya boleh mengedarkan bagi pihak penulis ataupun dengan cara penulis menghantar sendiri borang soal-selidik kepada responden dengan menyediakan sekali stem dan sampul beralamat sendiri. Ini bertujuan memudahkan responden mengembalikannya kepada penulis sesudah mengisiinya.

Penulis hanya menghantar atau mengedarkan borang soal-selidik kepada suami isteri yang berkahwin campur sahaja, tidak kepada

anak-anak kacukan kerana penulis telah menggunakan method tembusan untuk mereka.

Method soal-selidik ini amat baik jika digunakan kerana setiap jawapan yang diberikan adalah berbeza-beza antara mereka, walaupun bentuk soalan yang dikemukakan hampir sama sahaja. Soalan yang terkandung di dalam soal-selidik penulis mempunyai dua bentuk khusus iaitu:

- i. 'Close-ended' iaitu soalan yang berbentuk objektif di mana responden hanya perlu memilih jawapan yang paling sesuai dengan dirinya. Namun demikian soalan yang berbentuk begini adalah sedikit sahaja.
- ii. 'Open-ended' iaitu soalan-soalan yang berbentuk objektif di mana responden sendiri dikehendaki menulis jawapannya. Soalan begini paling banyak di muatkan di dalam soal-selidik yang disediakan oleh penulis. Contoh soal-selidik boleh dilihat pada lampiran E .

Walaupun penulis hanya mendapatkan maklumat penting dari pada kajian secara kelompok kecil masyarakat yang dipilih secara rambang tetapi rumusan dan kesimpulan kajian adalah menggambarkan masyarakat keseluruhannya.

3.2.5 Method Observasi

Kaedah ini digunakan oleh penulis ketika penulis melibatkan diri di dalam kumpulan suami isteri yang berkahwin campur ini sama ada di dalam sesuatu seminar yang terdiri dari golongan merokok sahaja, juga ketika penulis menemubual mereka dengan minat dari segi mereka berpakaian, bercakap, keadaan rumah dan sebagainya.

Kaedah ini serba sedikit telah dapat membantu penulis untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai sejauhmana komitmen isteri-isteri serta suami-suami yang berkahwin campur ini terhadap agama Islam di dalam perlakuan kehidupan mereka sehari-hari lepas memeluk Islam dan tinggal di lingkungan masyarakat Islam.

Ini bertepatan dengan pendapat G. Sellfiz yang mengatakan bahawa:

"Observation is not of the most pervasive acts of daily life. It is a primary tool of scientific inquire".¹

Maksudnya:

"Pemerhatian bukanlah merupakan perbuatan penyerapan terpenting di dalam kehidupan harian, tetapi ianya merupakan suatu alat yang utama di dalam penyelidikan atau persoalan saintifik."

2.3 Method Analisa Data

Setelah data-data dan maklumat dikumpulkan, iaanya perlu di-analisa sebelum satu kesimpulan dapat diambil. Di dalam membuat kesimpulan ini penulis telah menggunakan beberapa method iaitu:

2.3.1 Method Induktif

Method induktif ini ialah satu cara menganalisa data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang umum.²

Dengan kata lain, menganalisa satu data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan yang bersifat umum.

2.3.2 Method Deduktif

Method deduktif ialah cara menganalisa data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpandukan kepada dalil umum terhadap hal-hal yang khusus.

2.3.3 Method Komparatif

Selain daripada dua method yang di sebutkan di atas, penulis

diri juga menggunakan method komparatif iaitu melakukan perbandingan di dalam menganalisa sesuatu data.

2.1 Tujuan Kajian

Walaupun banyak terdapat tempat kajian yang boleh dikaji di seluruh negara mengenai tajuk ini dan kesannya terhadap masyarakat Melayu, contohnya seperti di Pulau Pinang tetapi penulis merasakan perlu membuat kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Ini adalah kerana seperti yang kita tahu Kuala Lumpur ialah ibukota negara Malaysia. Di sini terdapat berbagai golongan masyarakat berbilang kaum ataupun majmuk yang terdiri dari suku kaum Melayu, Cina, India, Eropah dan lain-lain bangsa yang menimbulkan minat penulis. Dengan sebab inilah peluang untuk berkahwin campur amat luas di kalangan mereka.

Penulis memilih supaya kajian dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berdasarkan beberapa sebab atau faktor iaitu:

1. Sebelum ini tidak ada lagi kajian yang dibuat mengenai tajuk ini sama ada di Wilayah Persekutuan ataupun di tempat lain. Ini menimbulkan minat penulis untuk membuat kajian mengenai tajuk ini.

- i. Wujudnya perkahwinan campur di kalangan etnik yang berbeza. Oleh itu penulis ingin mengetahui apakah punca yang menyebabkan perkara ini berlaku. Adakah mereka menghadapi sebarang masalah, lebih-lebih lagi pasangan yang tinggal di sekitar bandaraya Kuala Lumpur yang banyak di pengaruhi oleh budaya barat.
- ii. Penulis sendiri telah mula menjadi warganegara kota Kuala Lumpur semenjak belajar di sekolah menengah sehinggalah berkesempatan melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya. Jadi penulis dapat membuat serba sedikit kesimpulan melalui kejadian serta pengalaman penulis. Ini sudah tentu memudahkan lagi kajian penulis.
- iii. Dengan adanya kajian seperti ini dapat menyedarkan orang ramai tentang apakah kesan-kesan yang timbul akibat daripada perkahwinan campur yang selama ini kita hanya dapat melihat kehidupan mereka yang sebenar dari kacamata luaran sahaja.

Dengan adanya kajian ini, penulis cuba merintis ja-an kepada pengkaji lain untuk membuat kajian yang lebih men-dalam terhadap pasangan yang berkahwin campur ini.

Kajian ini juga dapat mengikis sikap atau keperca-yaan sesetengah golongan yang hanya melihat bahawa kesan baik sahaja yang timbul akibat perkahwinan campur.

Penulis memilih tajuk ini untuk dibuat kajian kerana ingin melihat kehidupan pasangan kahwin campur serta keluarga mereka dari kacamata Islam. Adakah pasangan ini mengamalkan atau beramal dengan syaria' Islam di dalam kehidupan mereka sehari-hari atau sebaliknya.

Penulis juga berkesempatan untuk melihat ataupun menapakkan pandangan mereka terhadap Islam itu sendiri sebelum mereka memeluk Islam dan berkahwin dengan orang Melayu yang beragama Islam serta mengkaji setakat mana pengetahuan Islam yang di ketahui oleh mereka.

Masalah Kajian

Penulis menghadapi beberapa kesukaran untuk menyiapkan makalah projek ini. Mesun dengan keizinan Allah dapat juga penulis selesaikaninya dalam tempoh yang tetap. Ia tetapkan. Antara masalah yang di hadapi oleh penulis ialah :

1. Kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan

Dalam hal ini pemillis rasakan begitu sukar untuk mendapatkan buku-buku rujukan dan sebagainya. Ini adalah kerana sukarnya mencari buku yang berkaitan dengan tajuk penulis sama ada di perpustakaan, di kedai-kedai dan juga di tempat-tempat lain. Hanya mendapat majalah-majalah serta suratkhabar yang lebih banyak merupakan perkataan tentang kahwin campur dan masalah yang di hadapi oleh pemillis yang berkahwin campur ini. Oleh itu tidak dapat tidak pemillis lebih tertumpu kepada majalah serta suratkhabar ini.

II. Masalah Kewangan

Kajian ini memerlukan penulis berulang-ulik daripada satu tempat kesatu tempat yang lain daripada kampus Universiti Malaya. Oleh itu penulis memerlukan perbelanjaan yang agak besar untuk membayai tambang, photostat, pita rakaman dan sebagainya.

.11. Kesukaran untuk mendapatkan data-data dari seminar

Teriapat juga sesetengah pihak yang tidak suka memberikan maklumat seperti enggan untuk diinformasi, tidak mengembalikan borang soal-selidik walaupun penulis telah menyediakan stern serta suratnya sekali. Ada sesetengahnya pula mengembalikan borang kosong dan menyertakan kata-kata yang menyindir penulis kerana maklumat haluan seperti ini.

Juga amat sukar untuk penulis mendapatkan data-data dari seminar ataipun dari ceramah kerana jarang sekali seminar yang diadakan berkisar pada tajuk ini, sedangkan kita tahu tajuk ini amat penting untuk kita bincangkan pada masa sekarang semadang perkahwinan campur berleluasa berlaku di dalam masyarakat Malaysia amnya dan masyarakat Kuala Lumpur khususnya .

SAKAKI

Sellfiz et.al, Research Methods In Social Relation, Hlt
Rhinehart and Winston (Latest Edition), m.s 200.

Imam Barnabib (Pr Cf), Arti dan Metode Sejarah Pendidikan,
Jakarta, Yayasan Penerbit PIT - IKIP, 1982. m.s 52.